



17 JUN, 2023

Beli tanpa tunai di Bazar Agro Johor

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

Beli tanpa tunai di Bazar Agro Johor

JOHOR BAHRU — Kerajaan negeri akan bekerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Johor mencari mekanisme pembelian tanpa tunai di jualan Bazar Rakyat Agro Johor (BRAJ) dalam masa terdekat.

Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia negeri, Mohd. Hairi Mad Shah berkata, langkah itu bagi membezakan pembeli dari Singapura dan rakyat tempatan.

Beliau berkata, perkara itu difikirkan perlu bagi memastikan barang subsidi seperti telur ayam dan ayam segar hanya dinikmati rakyat di negara ini sahaja.

"Kita terima kemasukan pembeli dari Singapura yang tinggi iaitu 40 peratus daripada jumlah pengunjung. Jadi, apabila kita buat jualan murah bagi barang subsidi ini, tidak praktikal sekiranya nak periksa kad pengenalan tiap seorang.

"Oleh itu, kita perlu ada mekanisme secara cashless (tanpa tunai) di mana pembeli mempunyai pengenalan diri secara online. Ini bagi memastikan pembeli Singapura ini tak membeli barang subsidi yang ditawarkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika meninjau jualan bazar rakyat Agro Johor di Pasar Tani Kekal Datin Halimah, Larkin, di sini semalam.

Dalam pada itu, Mohd. Hairi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Larkin berkata, penduduk setempat digesa untuk merebut peluang membeli sepanjang telur ayam dan seekor ayam segar pada harga RM15.

Beliau berkata, usaha yang dilakukan FAMA Johor ini sekali gus menyokong usaha kerajaan negeri membantu pengguna mengurangkan kos sara hidup.

"Kerajaan negeri telah memperuntukkan sejumlah RM1.5 juta kepada FAMA Johor bagi memperluaskan program BRAJ di 85 lokasi pasar tani bermula Julai ini.

"Program ini yang diperlukan akan ke lapan lokasi berlainan setiap bulan.

Jelasnya program itu secara tak langsung membantu usahawan tingkatkan hasil pengeluaran oleh usahawan khususnya agro tani," katanya.



17 JUN, 2023

Beli tanpa tunai di Bazar Agro Johor

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

JOHOR BAHRU - Kerajaan negeri akan bekerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Johor mencari mekanisme pembelian tanpa tunai di jualan Bazar Rakyat Agro Johor (BRAJ) dalam masa terdekat. Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi, dan Sumber Manusia negeri, Mohd. Hairi Mad Shah berkata, langkah itu bagi membezakan pembeli dari Singapura dan rakyat tempatan.